



UM.H/170/2

27 November 2017

Pengarah, Akademi Pengajian Islam  
Pengarah, Akademi Pengajian Melayu  
Dekan, Fakulti Alam Bina  
Dekan, Fakulti Bahasa dan Linguistik  
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan  
Dekan, Fakulti Pendidikan  
Dekan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan  
Dekan, Fakulti Pergigian  
Dekan, Fakulti Perubatan  
Dekan, Fakulti Sains  
Dekan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat  
Dekan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Dekan, Fakulti Undang-Undang  
Pengarah, Pusat Kebudayaan  
Pengarah, Pusat Sukan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan,

## **GARIS PANDUAN PENGENDALIAN SEMINAR PENCALONAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Senat dalam mesyuaratnya pada 23.11.2017 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pengendalian Seminar Pencalonan untuk diterima pakai mulai sehari selepas mesyuarat Senat sebagai rujukan kepada Pentadbir Pusat dan Pentadbir PTj dalam menguruskan seminar pencalonan bagi calon ijazah tinggi di PTj. Borang-borang penilaian bagi pengendalian seminar pencalonan juga telah diedarkan melalui surat IPS bertarikh 17.08.2017.

Bersama ini garis panduan tersebut untuk rujukan dan tindakan selanjutnya Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan. Salinan elektronik bagi lampiran tersebut boleh dimuat turun di UM Portal > PTj Info > Bah. Akademik IPS > Unit Polisi dan Pentadbiran Am.

Perhatian dan kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan terima kasih.

Yang benar,



**PROFESOR DR. WAN HALIZA ABD MAJID**

Dekan

Institut Pengajian Siswazah

s.k Timbalan Pengarah / Dekan (Ijazah Tinggi) PTj Akademik  
Timbalan-Timbalan Dekan, IPS  
Timbalan Pendaftar, Bahagian Akademik  
Ketua Penolong Pendaftar / Penolong Pendaftar (Ijazah Tinggi) PTj Akademik  
Pegawai-Pegawai IPS

WHAM/NAAB/SNR